

# 'Rujuk kami dahulu'

TH sangkal dakwaan agih kuota tertentu kepada pihak swasta

HARIAN METRO 26/1/2024 M/S: 10

Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) semalam menafikan dakwaan bahawa ia mengagihkan kuota tertentu kepada pihak swasta atau Pengendali Jemaah Haji (PJH).

TH dalam kenyataannya memaklumkan kuota haji berjumlah 31,600 yang diberikan kerajaan Arab Saudi adalah mengikut sistem pendaftaran haji terbuka berdasarkan konsep "Mendaftar Dahulu, Didahulukan" yang dilaksanakan sejak 1995.

"Apabila bakal jemaah sudah terpilih di dalam kuota tahunan, mereka boleh memilih sama ada ingin menunaikan ibadat haji melalui TH (Muassasah) atau melalui syarikat PJH yang dilesenkan TH.

"Bakal haji yang memilih syarikat PJH adalah mereka yang berkemampuan untuk membayar lebih daripada kos haji bagi mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik daripada Muassasah," menurut kebenaran itu.

TH juga berkata, dakwaan ia hanya mengendalikan 11,000 jemaah tahun ini ti-



TH menasihati orang ramai agar tidak mudah percaya dengan berita palsu yang tular di media sosial.

dak benar kerana majoriti jemaah haji sekitar 70 hingga 80 peratus adalah mewajibkan Muassasah.

Tambahnya, syarikat PJH membuat bayaran kepada

TH bagi setiap jemaahnya untuk perkhidmatan dan kemudahan di Tanah Suci termasuk bayaran wajib di-

kenakan Arab Saudi.

TH menasihati orang ra-

**"Bakal haji yang memilih syarikat PJH adalah mereka yang berkemampuan untuk membayar lebih daripada kos haji bagi mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik daripada Muassasah "**

mai agar tidak mudah percaya dengan berita palsu yang tular di media sosial dan bakal jemaah haji dinasihatkan merujuk kepada platform media sosial rasmi TH bagi mendapatkan maklumat yang sah, tepat dan terkini.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dirujuk dengan menghubungi Tabung Haji Contact Centre (THCC) di talian 03-62071919.